

**TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUP**

**YBHG. PROFESOR  
DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR NAIB NAIB  
CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA  
MINGGU DESTINI SISWA  
PUSAT ASASI UITM CAWANGAN SELANGOR,  
KAMPUS DENGKIL**

**SESI JULAI - DISEMBER 2023**

**25 JULAI 2023**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHI ROBBIL 'AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL  
ANBIYAAI WAL MURSALIIN  
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

**[SALUTASI (Kemas kini berdasarkan  
hadirin/jemputan)]**

**YBhg. Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**YBhg. Profesor Ts Dr. Asmah Awal**  
Menjalankan tugas-tugas Rektor  
UiTM Cawangan Selangor

**YBhg. Profesor Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin**  
**XX**

Yang Berusaha Barisan Ahli Pengurusan Tertinggi Pusat  
Asasi UiTM

Yang Dihormati Ketua-ketua Pusat Pengajian dan  
Koordinator Kursus Pusat Asasi UiTM

Tuan-tuan dan Puan-puan serta para pelajar baharu Pusat Asasi UiTM yang diraikan.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam  
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Taala, Tuhan sekalian alam kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dan bermesra dalam Minggu Destini Siswa Pusat Asasi UiTM sesi 2023/2024.

2. Selamat datang saya ucapkan kepada para pelajar baharu sesi 2023/2024 dan setinggi-tinggi tahniah kerana anda sekalian terpilih untuk memasuki Pusat Asasi UiTM. Tahniah! Di sinilah anda akan dilatih, dibimbing dan dibentuk untuk menjadi graduan professional bertaraf dunia.

**Para pelajar yang dihormati sekalian,**

3. Minggu Destini Siswa (MDS) yang dianjurkan oleh UiTM ini boleh dikatakan acara wajib saban tahun bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan kehidupan di kampus termasuklah persekitaran, kaedah pengajian, budaya dan aspek pembinaan sahsiah. Menerusi MDS ini, para pelajar akan dapat berkenalan dengan rakan-rakan lain dari negeri dan latar belakang yang berbeza.

4. Oleh itu, sepanjang MDS 2023 yang telah pun bermula ini, para pelajar didedahkan dengan pelbagai bentuk program dan pengisian yang memberi peluang kepada anda untuk mengenali UiTM dan Pusat Asasi ini dengan lebih dekat lagi. Para pelajar juga dapat mengetahui fungsi setiap Pusat Tanggungjawab yang terdapat di sini. Justeru, ambillah peluang ini untuk bertanyakan soalan, berinteraksi antara rakan pelajar dan meneroka persekitaran kampus untuk membiasakan diri dengan suasana baru ini.

5. Sebagai warga UiTM yang baharu, saya ingin memberikan nasihat yang mungkin berguna selama anda berada di sini. Pertama, harapan saya jadilah seorang mahasiswa yang aktif! Sertailah kelab-kelab atau aktiviti-aktiviti yang ditawarkan oleh universiti ini. Ini akan dapat membantu para pelajar bukan sahaja untuk menambahkan pengalaman, malah dapat membina kemahiran insaniah di kalangan pelajar serta meningkatkan jaringan kenalan. Aspek-aspek ini amat penting untuk masa hadapan seseorang pelajar.

6. Kedua, kekal fokus kepada matlamat akademik anda. Bidang pengajian adalah keutamaan anda semua di sini. Manfaatkan masa dengan membuat jadual belajar yang teratur, guna sumber daya yang tersedia, dan jangan ragu-ragu untuk meminta bantuan jika diperlukan. Kampus ini menyediakan kemudahan untuk para pelajar menimba ilmu. Para pensyarah dan pentadbir di sini akan sedia membantu anda mencapai kejayaan.

7. Akhirnya, laluiilah masa belajar di universiti ini dengan mengukir pengalaman yang indah. Gunakanlah setiap titisan ilmu yang diperolehi dengan sebaik-baiknya dalam apa sahaja bidang yang diceburi. Jangan takut untuk mengambil risiko dan perlulah berani mencuba sesuatu. Jadilah mahasiswa yang membawa inspirasi, dorongan dan semangat kepada para pelajar yang lain untuk terus berjaya.

8. Namun, pada masa yang sama, janganlah lupa tanggungjawab kepada Maha Pencipta agar menjadi insan yang lebih baik, yang amanah dan memakmurkan bumi. Berterima kasihlah kepada kedua-dua orang tua dan sentiasa memohon restu mereka.

**Para pelajar sekalian,**

9. Sebelum mengakhiri ucapan, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua pelajar kerana berjaya melanjutkan pengajian di UiTM khususnya di Pusat Asasi UiTM. Teruskan usaha untuk menjadi pelajar yang mampu

memberi impak positif kepada pembangunan pelajar di universiti ini.

10. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan MDS bagi sesi kali ini. Semoga segala usaha murni kita akan diberkati oleh Allah SWT demi manfaat dan kebaikan generasi akan datang.

11. Akhir kata dengan lafaz *Bismillahirrohmanirrohim*, sukacitanya saya **merasmikan Penutupan Minggu Destini Siswa 2023 bagi Pusat Asasi UiTM, sesi 2023/2024.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**